

23 APR 1997

DR M: BAIK ADA SPEKULASI DI BSKL

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata berspekulasi di pasaran saham tempatan adalah baik tetapi terlalu berlebihan pula akan memudaratkan.

Misalnya, katanya beliau tidak nampak sebab mengapa harga pembukaan terbitan saham baru melebihi empat atau lima kali daripada harga tawarannya, terutamanya apabila syarikat-syarikat ini agak baru.

Berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Syarikat Pembrokeran Saham di Malaysia di sini malam ini, beliau berkata kadang-kadang syarikat-syarikat yang memulakan dagangan sulungnya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan premium yang terlampau tinggi yang tidak mencerminkan prestasi sebenar syarikat di bursa saham.

Bagaimanapun, katanya, keadaan ini seolah-olah menjadi tabiat pasaran saham.

"Saya fikir ini bukannya arah aliran yang sihat, terutamanya bagi tawaran awam permulaan," tambahnya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, sesetengah syarikat yang disenaraikan di BSKL berprestasi cemerlang dan ada pula yang mencatatkan keuntungan sebanyak RM2 bilion.

Dr Mahathir berkata ekonomi kini pesat berkembang dan telah mencatat pertumbuhan lebih daripada lapan peratus untuk beberapa tahun.

"Jadi harga-harga saham sepatutnya meningkat dan tidak akan turun lagi," katanya berseloroh.

Beliau juga berkata, pelabur-pelabur pasaran saham juga memberikan banyak kepercayaan kepada nasihat penganalisis-penganalisis tertentu.

Katanya apabila mereka meramalkan bahawa pasaran akan turun, para pelabur cenderung percayakan mereka dan mengambil keputusan menjual saham-saham mereka, dengan itu mengakibatkan harga-haga saham turun kerana ramalan yang itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata apabila bank pusat menyatakan sesuatu, pasaran cenderung bertindak balas secara negatif.

Bank Negara, katanya, sebenarnya bermaksud baik dan mahu ekonomi terus berjalan baik.

"Ia tidak mahu melihat terlalu banyak wang dimasukkan ke dalam satu kumpulan," katanya merujuk kepada langkah baru-baru ini untuk mengadakan sekatan ke atas berian pinjaman kepada sektor saham dan harta.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan melakukan semua yang termampu untuk mengekalkan pertumbuhan negara sebanyak lebih lapan peratus.

Kerajaan, katanya, perlu memastikan bahawa ekonomi berkembang lebih daripada lapan peratus "jika kita mahu mencapai matlamat Wawasan 2020."

Katanya sepanjang 10 tahun akan datang, ekonomi perlu berkembang lebih daripada lapan peratus dan keluaran dalam negara kasar patut berganda setiap 10 tahun. -- BERNAMA

DVS OS MA